

# SOLAT SUNAT DHUHA DAN PENGURUSAN JENAZAH DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2164-solat-sunat-dhuha-dan-pengurusan-jenazah-di-pangkalan-udara-gong-kedak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2164-solat-sunat-dhuha-dan-pengurusan-jenazah-di-pangkalan-udara-gong-kedak)

GONG KEDAK, 28 Jul 17 - Pejabat Agama Pangkalan bersama BAKAT Pangkalan telah mengadakan Solat Sunat Dhuha dan Pengurusan Jenazah yang bertempat di Masjid Ar-Raudhah Pangkalan Udara Gong Kedak.

Penceramah jemputan bagi pengurusan jenazah disampaikan oleh Ustaz Mohd Aziz bin Che Hassan. Majlis dihadiri Ketua Cawang Material, Lt Kol Shahrani bin Kamaruddin TUDM selaku Pengerusi Masjid Ar-Raudhah serta Pegawai-pegawai, anggota dan ahli BAKAT Pangkalan Udara Gong Kedak.

Pengurusan jenazah ini amat penting dilaksanakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan dan ilmu yang berguna kepada semua warga pangkalan tentang cara pengurusan jenazah bagi lelaki mahupun wanita sekiranya berlaku kematian. Sepanjang majlis ini berlangsung, banyak aktiviti yang telah diaturkan seperti sesi ceramah, cara-cara menguruskan jenazah lelaki dan wanita dari saat kematian kepada memandikan jenazah yang betul, mengkafarkan jenazah, solat jenazah dan mengkembumikan jenazah serta adat-adat menguruskan jenazah.



